

# IKLAN JAWATAN KOSONG



## PARLIMEN MALAYSIA

### PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

#### 1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : **Pegawai Penyelidik Gred 48 (Terbuka)**
- 1.2 Kementerian/Jabatan : **Parlimen Malaysia**
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan Dan Profesional**
- 1.4 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.5 Bilangan Kekosongan : **Satu (1)**

2. **GREDDAN JADUAL GAJI** : **RM5,118.00 – RM11,634.00 (Gred N48)**

#### 3. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia.
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 32 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3.3 Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan (Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa dan lain-lain bidang yang berkaitan) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang memiliki Sarjana dalam bidang-bidang yang tersebut di atas;
- 3.4 Mempunyai pengalaman tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun dalam bidang penyelidikan Undang-undang/ Sains Politik/ Hubungan Antarabangsa dan lain-lain bidang yang berkaitan serta juga pernah menerbitkan/ menulis apa-apa jurnal atau hasil penyelidikan.
- 3.5 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 3.6 Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian-perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan.
- 3.7 Keutamaan akan diberikan kepada calon fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- 3.8 Telah lengkap menerima vaksin COVID – 19.

#### 4. CARA-CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Rasmi Parlimen Malaysia ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)).
- 4.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan), *resume*, salinan *MyKad*, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, salinan sijil berhenti sekolah, jurnal/ hasil penyelidikan (wajib) dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 41 ke atas).
- 4.4 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN  
BANGUNAN PARLIMEN, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR  
(U.P.: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

#### 5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 MAC 2023

Tarikh Iklan : 17 MAC 2023

**Catatan Am:**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Saimunira Binti Mohd Sidek (+603-2603-6886) dan Puan Faizatul Fazrin Binti Badrul Hisham (+603-2603-6883).